

NO. SOALAN : 30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY
[KOTA KINABALU]**

TARIKH : 26 OKTOBER 2016

SOALAN :

YB. Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan secara terperinci kempen anti "Van Putih" yang dijalankan di Sabah. Apakah penjelasan Kementerian tentang pertindihan kuasa dengan Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) dalam isu ini. Kementerian hanya mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan ke atas pengusaha pelancongan dan bukannya pemilik kenderaan.

**JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kempen Anti "Van Putih" merupakan satu kempen terancang hasil inisiatif Pejabat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia Negeri Sabah bersama pihak-pihak berkuasa negeri di dalam usaha untuk menangani masalah utama industri pelancongan Negeri Sabah iaitu aktiviti penganjuran pakej pelancongan haram.

Istilah "Van Putih" merujuk kepada sebarang kenderaan yang tidak dilesenkan di bawah Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan (APKP) 1999 (Akta 594) untuk digunakan sebagai pengangkutan kepada sebarang penganjuran aktiviti yang melibatkan pelancong.

Memandangkan terdapat kesukaran di dalam menangani isu pengusaha pelancongan haram kerana kebanyakan daripada mereka beroperasi di atas talian dan tidak mempunyai premis tetap, maka adalah lebih mudah untuk Kementerian mengambil tindakan ke atas 'Van Putih' yang disalahgunakan untuk tujuan aktiviti pelancongan dan ini turut bertentangan dengan Akta Industri Pelancongan 1992.

Sehubungan dengan itu, kempen terancang yang dilancarkan sejak April tahun lepas (2015) telah melihat keberhasilan di dalam pengurangan aktiviti haram berkaitan pelancongan serta peningkatan mendadak penggunaan bas-bas persiaran di atas jalan raya sekitar Kota Kinabalu.

Kejayaan ini turut diakui oleh penggiat-penggiat industri pelancongan Sabah yang disampaikan di dalam media massa.

Tuan Yang di-Pertua,

Pejabat Kementerian di peringkat negeri juga bekerja rapat dengan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Negeri Sabah dan tiada isu berkaitan dengan pertindihan kuasa kerana dengan jelasnya **Akta 594 di bawah Kementerian ini merujuk kepada pelesenan dan pengawalseliaan kenderaan pelancongan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Manakala Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan) 2010 (Akta 334) di bawah Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) merujuk kepada pelesenan dan pengawalseliaan kenderaan perdagangan dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.**

Pengusaha pelancongan yang menggunakan "Van Putih" bagi penganjuran aktiviti pelancongan boleh didakwa di bawah Seksyen 4 Akta 594 kerana menjalankan perniagaan kenderaan pelancongan tanpa lesen yang sah dari Kementerian ini. Seksyen 4 Akta 594 menyatakan *"tiada seorang pun boleh menjalankan atau menganjurkan dirinya sebagai menjalankan perniagaan kenderaan pelancongan kecuali suatu syarikat yang dilesenkan di bawah AIP 1992 dan yang memegang lesen yang sah yang diberikan di bawah Bahagian ini"*.

Manakala pemilik "Van Putih" juga boleh didakwa di bawah **Seksyen 19 Akta 594** yang menyatakan *tiada seorang pun boleh menggunakan sesuatu kenderaan motor atau menyebabkan atau membenarkan sesuatu kenderaan motor digunakan sebagai kenderaan pelancongan melainkan jika ada berkuat kuasa berkenaan dengan kenderaan itu suatu lesen yang diberikan di bawah Akta ini yang membenarkan penggunaan sedemikian, atau selain mengikut lesen itu dan apa-apa syarat yang dikenakan padanya.*

Sekian, terima kasih.